

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan yang akan digunakan untuk membanteras rasuah memandangkan hanya 28 peratus rakyat jelata yang percaya bahawa Kerajaan memang boleh menangani isu rasuah mengikut kajian *Transparency International Malaysia*.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa persepsi negatif masyarakat terhadap usaha pembanteras rasuah wujud kerana mereka tidak mendapat maklumat yang benar dan cukup mengenai usaha kerajaan dan SPRM dalam membanteras rasuah. Selain itu, persepsi masyarakat turut dipengaruhi oleh pihak tertentu yang sering mengheret isu rasuah ke dalam politik mereka.

Menyedari perkara ini, SPRM memperbanyakkan aktiviti penerangan dan kempen-kempen kepada masyarakat melalui dua (2) kaedah iaitu pendekatan bersemuka dan saluran media. Masyarakat dijelaskan mengenai usaha-usaha pembanteras rasuah yang dilaksanakan kerajaan dan SPRM khususnya.

- a) Aktiviti bersemuka dilaksanakan melalui ceramah, seminar, perbincangan meja bulat, dialog, dan sebagainya. Mulai 2014, aktiviti keterlibatan (*engagement*) difokuskan kepada pemimpin berpengaruh/*opinion leader* bagi enam kumpulan sasar iaitu NGO, ahli politik, komuniti luar bandar, belia, sektor swasta dan komuniti Cina. Berdasarkan kajian sebuah universiti tempatan, kumpulan ini kurang terdedah kepada maklumat yang tepat berkaitan pencegahan rasuah sehingga mempengaruhi persepsi terhadap kesungguhan kerajaan dan SPRM dalam menangani jenayah rasuah.

- b) Kempen melalui media menggunakan sepenuhnya sama ada media elektronik, media cetak dan media baru. Kempen SPRM juga diperluas termasuk di kenderaan pengangkutan awam, premis komersial, papan iklan dan *variable messages system* (VMS) di jalan raya.

Selain itu, usaha membanteras rasuah melalui NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah membawa banyak perubahan yang positif. Pihak kerajaan juga sentiasa proaktif dalam melaksanakan pelbagai dasar termasuk yang tidak tersenarai sebagai inisiatif yang dicadangkan. Antara inisiatif yang berjaya dilaksanakan adalah:

- kewujudan mahkamah khas rasuah dan penyediaan kes rasuah dalam setahun;
- mewujudkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010;
- mengadakan program integriti kepada ahli Parlimen;
- melaksanakan Persepakatan Integriti (*Integrity Pact*);
- mewujudkan Pangkalan Data Pesalah Rasuah dalam portal SPRM;
- menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Institut Pendidikan Tinggi Guru; dan
- memasukkan elemen anti rasuah dalam buku teks;

SPRM juga melaksanakan program transformasi SPRM bagi memantapkan keberkesanan operasinya. Pelbagai penambahbaik dilakukan dalam aspek dasar SPRM sehingga kepada pelaksanaan aktiviti. Program transformasi ini meliputi tiga aspek iaitu operasi, pencegahan dan modal insan. Antara usaha penambahbaikan hasil program transformasi ini adalah:

- Melaksanakan siasatan secara berpasukan (*team based investigation*), siasatan proaktif (*proactive based investigation*), dan siasatan berasaskan perisikan (*intelligence based investigation*);
- Penggunaan Bilik temu bual berveideo (VIR) diwujudkan untuk merakam percakapan suspek.
- Mewujudkan Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS) untuk melaksanakan operasi secara berpasukan.
- Latihan kepada pegawai SPRM diperkembangkan. Tempoh latihan asas dipanjangkan kepada 12 bulan.
- Keselamatan pejabat SPRM diperkukuhkan. *Grill* ditambah dan semua pejabat SPRM dipasang kamera litar tertutup.

SPRM turut memperkasakan usaha menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah dalam sektor kerajaan dan swasta. Aktiviti pemeriksaan dan khidmat nasihat diberikan kepada agensi bermasalah dan berisiko tinggi. Kerajaan persekutuan juga telah mengeluarkan pekeling perkhidmatan agar semua agensi kerajaan menubuhkan Unit Integriti. SPRM akan menyediakan pegawai untuk mengetuai unit ini. Di samping itu juga, SPRM melalui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dipertanggungjawabkan untuk melahirkan lebih ramai Pegawai Berintegriti Bertauliah (*Ce/O*). Di sektor swasta, semakin ramai pegawai SPRM ditempatkan di syarikat-syarikat GLC/GOC untuk memastikan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang berkaitan.

Syarikat swasta turut digalakkan untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge* atau CIP) bagi menunjukkan komitmen mereka mencegah jenayah rasuah daripada berlaku.

Syarikat yang menandatangani CIP mesti menyediakan latihan peningkatan integriti dan anti rasuah kepada pekerja. Selain itu, syarikat terbabit juga mesti memperbetulkan sistem dan prosedur agar peluang dan ruang rasuah dapat ditutup.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Impak atau keberkesanan inisiatif-inisiatif ini ada yang dapat dilihat dalam masa yang singkat dan kebanyakannya pula merupakan inisiatif jangka panjang yang hanya akan dilihat atau dirasa keberkesanannya beberapa tahun akan datang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan bagi mempertingkatkan persepsi baik masyarakat berhubung keadaan sebenar rasuah di Malaysia. Masyarakat juga perlu menyedari bahawa usaha membanteras rasuah tidak hanya terletak kepada SPRM tetapi semua masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing.

Sekian, terima kasih